...m perkara pindaan:

Jangan undur dari garis2 keputusan

KUALA LUMPUR, Selasa — Ramai pemimpin dan anggota Umno hari ini mendesak kerajaan supaya tidak berganjak dari keputusan asal yang terkandung dalam pindaan kepada Perlembagaan Negara yang diluluskan oleh Parlimen, Ogos lalu.

Mereka sebulat suara berpendapat, kerajaan terlalu banyak bertolak-ansur berhubung pindaan itu.

"Kerajaan telah mengemukakan beberapa cadangan jalan keluar bagi mengatasi kebuntuan dalam soal itu, termasuk bertolak-ansur, tetapi nampaknya belum mencapai penyelesaian," kata seorang pemimpin yang namanya tidak mahu disebutkan.

Pendapat ini juga disokong oleh orang luar dari Umno yang memandang berat lau pindaan itu yang masih belum dapat diselesaikan sungguhpun rundingan telah dijalankan antara Umno dan raja-raja.

Dalam pertemuan yang diadakan di Istana Bukit Kayangan, Shah Alam, raja-raja mengeluarkan kenyataan bersama yang menyatakan ada beberapa pindaan kepada Perlembagaan dan juga cadangan-cadangan baru yang disembahkan oleh Umno yang masih berkehendakkan pertimbangan lanjut.

Bimbang

Seorang pemimpin Umno berkata, kerajaan tidak perlu lagi bertolak-ansur memandangkan rombongan Umno telah mengemukakan beberapa saranan kepada rajaraja untuk mendapatkan persetujuan mereka.

"Kita tidak mahu lagi Perdana Menteri bertolak-ansur dan berganjak dari keputusan asal yang diluluskan oleh Parlimen berhubung pindaan itu.

"Masih ada cara yang boleh dijalankan untuk menyelesaikan perkara ini dan kami berdiri teguh di belakang Datuk Seri Dr Mahathir dalam mengambil sebarang tindakan yang difikirkan wajar," tegas seorang lagi pemimpin Umno.

Para pemimpin itu berpendapat, kerajaan tidak perlu bimbang dalam merangka sebarang tindakan untuk menyelesaikan masalah itu kerana rakyat, para anggota Umno, Kabinet serta kesatuan-kesatuan sekerja telah menyatakan pendirian mereka menyokong kerajaan.

Menurut mereka, rakyat diberi penerangan dan memahami hasrat murni kerajaan dalam membuat pindaan itu dan sekarang terserah kepada Perdana Menteri memikirkan langkah lanjut tanpa berganjak daripada keputusan asal yang telah diluluskan oleh Parlimen, Majlis Tertinggi Umno dan juga Kabinet. — Bernama

'PJ' bergantung pada kewangan dan keadaan — Adib Adam

SHAH ALAM, Selasa — Menteri Penerangan, Datuk Seri Mohd Adib Adam, berkata soal sama ada drama PJ akan diteruskan bergantung kepada keadaan dan kewangan.

Beliau menerangkan, siri drama itu, bagaimanapun akan diadakan sekurang-kurangnya dua tahun atau 16 episod.

"Tanggapan rakyat menolak drama itu di peringkat ini adalah terlalu awal dan saya yakin ia akan diteruskan kerana kita mempunyai panel skrip yang berpengalaman," katanya.

Oleh itu, beliau berharap panel skrip drama PJ membuktikan mereka mampu untuk mengadakan skrip yang memcerminkan masyarakat Malaysia.

Beliau berkata demikian selepas memberi tekling mengenai pindaan Perlembagaan di kawai penerangan lun di sini hari ini.

"Saya amat kecil hati bila drama PJ dinilai dari skop Melayu saja. Kita tidak mahu segala harus kepada Melayu, tetapi kepada 'Malaysia' dan kenyataan.

"Kerana itu, watak Amy atau Shirley Tang yang dikritik kurang fasih berbahasa Malaysia kita kehangkan kerana bukan Amy saja, tetapi lebih ramai rakyat Malaysia seperti Amy yang belum dapat menguasai Bahasa Malaysia dengan baik dan ini adalah satu kenyataan yang perlu dipaparkan," katanya.

Sambil menyatakan puas hatinya terhadap episod pertama drama itu, beliau berkata, kedudukan sebenar adalah drama PJ ditayangkan lebih awal dari jadualnya untuk mengisi ruangan dra-ma Opah yang tamat siriny.

"Saya sudah memberitahu mereka awal-awal lagi bahawa penayangan drama PJ hanya boleh dibuat setelah menyiapkan enam episod, tetapi kerana drama Opah tamat, PJ terpaksa ditayangkan walaupun ketika itu baya tiga episod dapat disiapkan."

Mengenai persembahan, beliau berkata, kelemahan kecil seperti 'setting', lampu dan sebagainya memang diakui kerana kekurangan kemudahan studio.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, katanya, merestui penerbitan dan memberi perhatian kepada drama PJ, cuma beliau menegur tentang persembahannya, tetapi bukan menegur dari segi penerbitannya sebagaimana yang didakwa oleh kalangan tertentu.

MAYAT GADIS DIJUMPAI

KELANG, Selasa — Polis menjumpai mayat seorang gadis India di sebuah kawasan terpencil di ladang kelapa sawit berhampiran di Jalan Kebun di dekat sini, kelmarin.

Timbalan Ketua Polis Daerah, Timbalan Penguasa Polis Raymond Teg Jew berkata, mayat itu dijumpai dalam keadaan pakaian sarinya tersingkap ke atas.

Mayat itu, katanya, ditemui berikutan maklumat orang ramai pada jam 4.30 petang kelmarin, yang menyatakan mereka terjumpa mayat di ladang itu.

Sehingga ini, nama dan alamat si malang belum diketahui.

Beliau berharap sesiapa yang kehilangan anak perempuan berusia antara 15 dan 17 tahun dalam masa kira-kira lima hari lalu, tampil untuk mengenali mayat itu di rumah mayat Hospital Besar.

"Saya yakin gadis itu telah mati di situ kira-kira lima hari," katanya.

'Pemuzik tepi jalan akan diberi latih

KUALA LUMPUR, Selasa — Orang buta, terutama mereka yang menyara hidup dengan menyanyi dan main muzik di tepi-tepi jalan, akan diberi latihan kerja tangan bagi mencegah mereka daripada 'meminta sedekah' di tempat awam.

Pengarah Kebajikan Masyarakat Wilayah Persekutuan, Encik Abu Bakar Wahid berkata hari ini, para pegawai kementerian itu dan Persatuan Orang Buta Semenanjung Malaysia telah mengadakan mesyuarat di sini baru-baru ini untuk menghentikan orang buta dari pada memainkan alat-alat muzik di tepi jalan.

Mesyuarat itu yang dipengerusikan oleh Setiausaha Persatuan, Encik Mohamed Amin, menetapkan dua rumusan bagi mengatasi masalah itu:

Gerai

- Menubuhkan sebuah jawatankuasa bersama untuk orang buta bagi mengkaji kemungkinan mendapatkan gerai di pelbagai pusat membeli belah, di mana orang buta dapat menjual kerja tangan mereka; dan
- Kementerian berkenaan bersetuju menugaskan orang buta, terutama mereka yang bekerja sambilan, untuk membuat kerja tangan.

Encik Abu Bakar Wahid berkata, beliau yakin cadangan itu akan dapat melaksanakan rancangan tersebut.

BPM telah keluarkan pinjaman $47 juta

SHAH ALAM, Selasa — Bank Pertanian Malaysia (BPM) setakat ini telah mengeluarkan pinjaman bernilai $47 juta kepada 2,344 orang petani di Selangor di bawah skim pinjaman pertanian.

Pengerusi Lembaga Pengarah Bank Pertanian, Encik Alias Ali menyatakan demikian ketika berucap mengenai kegiatan bank itu kepada wakil-wakil rakyat dan penghulu-penghulu negeri Selangor di sini, semalam.

Katanya, pecahan pinjaman itu ialah $24.3 juta dipinjamkan kepada para petani bagi menukar corak pertanian kecil kepada pertanian besar, dan $22.7 juta dipinjamkan di bawah skim kredit pengeluaran padi.

Encik Alias berkata, proses pinjaman yang diberikan kepada golongan petani telah dilaksanakan dengan segera manakala pembayaran dari para petani yang terbabit telah dikutip dengan licin dan teratur.

Katanya, jumlah penyimpan dengan bank ini juga telah meningkat dari 53 buhkan di Selangor dalam tahun 1971, kepada 8,311 orang tahun ini dengan jumlah simpanan sebanyak $2.98 juta.

PEGAWAI-pegawai polis sedang memeriksa tempat berlakunya serangan.

Pemuda maut ditembak dalam sebuah bar

KUALA LUMPUR, Selasa — Seorang pemuda terbunuh dan empat rakannya cedera parah setelah ditembak bertalu-talu oleh dua lelaki yang berseniata pistol ketika sedang bermain 'jerami' dalam sebuah bar di Jalan Alur, di sini hari ini.

Pemuda yang mati itu dikenali sebagai Liu Chan Yuen, 24 tahun, berasal dari Taman Negeri, Jalan Rasah, Seremban. Liu yang ditembusi tiga butir peluru di perutnya mati di tempat kejadian.

Mereka yang cedera ialah Lim Kah Heng, 19, dari Kampung Baru, Rahang, Seremban; Kahn Loke Choi, 27, dari Kampung Baru Perol, Seremban; Choo Gek Peng, 25, dari Jalan Alur, di sini dan seorang lagi pemuda yang belum dikenali.

Mereka dimasukkan ke Hospital Besar di sini untuk rawatan kecemasan.

Ketua Polis Bandaraya, Pesuruhjaya Haji Zaman Khan yang berkejar ke tempat kejadian berkata, polis percayai tujuan serangan itu berpunca dari pergaduhan antara kumpulan kongsi gelap.

Haji Zaman berkata, kejadian itu berlaku kira-kira jam 3.50 petang ketika lima pemuda yang menjadi mangsa itu sedang duduk bermain 'jerami' di sebuah meja dalam Ming Ming Bar.

Tiba-tiba dua lelaki, masing-masing bersenjatakan pistol, menyerbu masuk dan meluru ke arah meja tempat pemuda-pemuda itu bermain.

Tanpa amaran, dua lelaki itu melepaskan sekurang-kurangnya tujuh das tembakan dari jarak dekat ke arah lima pemuda yang terpinga-pinga itu.

LIM KAH HENG

Pelanggan yang ramai sedang makan dalam bar itu menjadi gempar dan masing-masing mencari tempat perlindungan.

Liu, setelah ditembak sebanyak tiga kali di bahagian perut, mati serta-merta di situ juga. Lim terkena peluru di bahagian dagunya, Kahn dan Choo ditembak di bahagian perut.

Rakan mereka yang tidak dikenali itu ditembak di kepala.

Haji Zaman Khan berkata, kemungkinan pistol kepunyaan salah seorang penyerang itu 'jam' ketika dia melepaskan tembakan.

Ini terbukti bila polis yang menjalankan rondaan menjumpai dua butir peluru hidup jenis .38 dan dua kelongsong kosong dalam bar itu.

Polis percayai kedua-dua lelaki itu menggunakan pistol jenis .38 dan sepucuk revolver.

Penghargaan Dr M pada dua kesatuan

KUALA LUMPUR, Selasa — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengucapkan terima kasih kepada Kongres Persatuan Pekerja Perkhidmatan Awam (Cuepacs) dan Kesatuan Perkhidmatan Teknik Semenanjung Malaysia (MTSU) terhadap sokongan mereka berhubung dengan masalah pindaan Perlembagaan.

Kedua-dua kesatuan yang mempunyai beratus ribu ahli itu juga yakin Perdana Menteri akan dapat menyelesaikan masalah pindaan Perlembagaan dengan baik.

"Dengan ini, saya tidak rasa terpencil dan sunyi untuk berhadapan dengan masalah yang dihadapi sekarang," katanya di perasmian Persidangan Dua Tahun Sekali Ke-17 Kesatuan Perkhidmatan Teknik Semenanjung Malaysia (MTSU) di sini, semalam.

Beliau juga mengucapkan terima kasih kepada kesatuan-kesatuan lain yang menyatakan sokongan mereka melalui telegram yang dihantar kepadanya berhubung perkara itu.

Presiden Cuepacs, Encik Ahmad Nor dan Setiausaha Agung MTSU, Encik A. Ruganathan, dalam ucapan masing-masing berharap Perdana Menteri akan dapat menyelesaikan masalah itu dengan sebaik-baiknya.

Sebelum ini, Cuepacs dan MTSU telah menyatakan pendirian mereka menyokong kerajaan berhubung masalah pindaan itu.

balai pamiran baru, 511 Jalan Tuanku Abdul

Berita Menggembirakan untuk para pembeli!

Dipersila mengunjungi Balai Pamiran kami yang baru diubah-suai dan teramat moden.

• Periuk Nasi $67
• 12" Kipas $66
• 14" TV Warna $475 dengan

Hadiah Istimewa

Perhatian semua para pembeli! Kini kami menawarkan anda dimensi baru dalam keselesaan membeli-belah di balai pamiran kami yang baru diubah-suai. Segalanya dilakukan demi kepentingan anda. Dan kami menawarkan anda lingkungan pilihan terbaru semua jenis perakam audio-video serta peralatan rumah. Pada harga-harga bersaingan.

Sempena dengan upacara pembukaan balai pamiran baru kami, maka hadiah-hadiah menarik yang percuma akan diberi dengan setiap pembelian TV Warna, Perakam Kaset Video (VCR), Peti Sejuk, Mesin Cuci, Penyaman Udara dan Dapur Elektrik berbagai jenama.

Datanglah mengunjungi balai pamiran serba baru kami hari ini. Segera! Tawaran sah selagi ada simpanan.

Kasetoan Barat Uni
Top Selva Delicatessen
Peg Mengadakan
Para-para Perakam Video Kaset
Set Kemegahan Minuman Teh untuk 6 orang
Pembancuh

MERUPAKAN SATU KENYATAAN YANG NYATA
Percuma di dalam CTV/VCR dan alat-alat kelengkapan rumah dengan rangkaian pengedar terbesar di Kuala Lumpur.

SYKT. SENHONG (M) SDN. BHD.
511 Jalan Tuanku Abdul Rahman, K.L.
Branches:
537, Jalan Tuanku Abdul Rahman, K.L.
MAEBAB Mezzanine Floor, Plaza Yow Chuan, Jalan Petaling, K.L. (Mon – Sun)
7 & 9 Batu Tulch, Jalan Ipoh, Batu Caves, K.L.

K.H. LETRIK (M) SDN. BHD.
62, Jalan Tun Perak, Kuala Lumpur

Perakam Video pada harga potongan cukai baru (tambah hadiah)

Selamat Datang Kalima

TAWARAN YANG TERISTIMEWA
Serta
HADIAH-HADIAH PERCUMA*

Ini adalah peluang keemasan anda untuk membeli alat letrik yang berikut dengan harga yang RENDAH sekali.

$12.90

Alat Perakam Video SHARP
VC 381 Harga Potongan Cukai

SHARP EL-838
Alat kira kad-sais yang berguna dengan tenaga penutupan auto

$15.00

TV Warna SHARP (14")
C-1404 dengan kawalan jauh dan alat pendengar kepala untuk kesorongkan pendengaran anda.

PERCUMA*
Pengaduk Jus SHARP
EJ-200 bernilai $140.00

E-120 Pita Video TDK
Mutu yang terbaik di dunia.
Harga bebas cukai.

Aven Gelombang-mikro SHARP
untuk kesorongkan pemasakan anda.

PERCUMA*
Set Casserole
6 biji

Radio Jalur Sedunia SHARP
FV-610 GB/GG & FV-310 GB/GG
Harga bebas cukai.

Kunjungilah salah sebuah daripada 7 kedai kami hari ini!

GENERAL SALES & SERVICES SDN. BHD.

- Wisma Wilayah: Lot 2.33 — 2.37, 2nd Floor, Wisma Wilayah, Jalan Dang Wangi, Kuala Lumpur.
- Ampang Park: Lot 3-69B, 2nd Floor, Ampang Park Shopping Complex, Jalan Ampang, Kuala Lumpur.
- Sungei Wang Plaza: F 048, 1st Floor, Sungei Wang Plaza, Jalan Bukit Bintang, Kuala Lumpur.
- Kota Raya: Lot 4.61 — 4.62 & 4.71 — 4.72, Kota Raya 4th Floor, Jalan Cheng Lock, Kuala Lumpur.
- Cheras: No. 21 & 23 Jalan Cerdas Satu, Taman Connaught, Cheras, Kuala Lumpur.
- Petaling Jaya: No. 94, Jalan SS 2/60, Petaling Jaya, Selangor.
- Shah Alam: 114, 1st Floor, Complex PKNS, Shah Alam, Selangor.

PLAZA
PENINSULA

Kompleks membeli belah baru di Seremban semua orang menceritakannya.

Soon Properties Sdn. Bhd., 160 Jalan Tun Dr. Ismail (Jalan Templer) Seremban, Negeri Sembilan Tel: 06-714161/711722/717411